

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Bilangan : 13 Tahun 2012
Tarikh : 18 September 2012 (Isnin)
Masa : 8.30 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama CKE,
Tingkat 11, Centrepoin North,
The Boulevard, Midvalley City,
Kuala Lumpur.

Hadir:

Ir. Hj. Mohd Fazli Bin Osman - Pengerusi

Pengarah Kanan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik

Ir. Dr. Hj. Mohd Johari Bin Md Arif

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pakar

Pn Juhanis Bt Ilias , JEK (BPR A)

Ir. Hairol Bin Abd. Rahim, JEP (BPR B)

En. Zulkifli Bin Abdul Rahman, JEP (BPR C)

En. Mohd Khairi Bin Mohd Sanusi, JEP (BPR C)

Pn Nor Azira Bt Ibrahim, JEK (BPR D1)

Ir. Hj. Mohd Jahini Bin Mohd Dom, KJE (BPR D2)

Ir. Siti Nor Binti Hassan, JEPK (BPR D2)

En Shaiful Izzuddin Bin Mohamad, JE (BPR Projek Khas)

En. Aidil Saifan Bin Abu Bakar, JEP (BPR E)

En. Tanapal A/L Balaraman, JEP (UKTK)

En Najmuddin Salmi Bin Abdul Nanyan, JE (UKTK)

Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed Tasir, KJE (UPICT)

Ir. Mokhtar Bin Zainal, KJE (UPIKE)
Ir. Zuraidah Binti Muhamad, JEPK (UPIKE)
Tn. Hj. Mohamed Hafiz Bin Mansor, KJE (UP Akustik)
En. Syed Azhar Alatas Bin Syed Ahmad, JEP (UP Akustik)
Tn. Hj. Nizar Bin Othman, KJE (USPMA)
Ir. Hamzah Bin Ismail, JEP (USPMA)
Pn. Najahd Binti Zainal Abidin, KJE (UKBF)
En. Mohamed Bin Embong, JEPK (UKBF)
Tn. Hj. Baihaki Bin Azraee, KJE (UPKTE)
En. Abdul Muhaimin Bin Mahmud, JEP (UPKTE)
Pn. Nooraini Binti Ibrahim, JEPK (PO)
En. Muhamed Tarmizy Bin Yaacob, KJE (BPKS)
Pn. Hanifah Binti Abdullah, JEPK (UPSP)
Pn. Ruzaini Binti Zainuddin, JEP (UPAP)

Tidak Hadir Dengan Maaf:

Ir. Nik Rahimi Bin Nik Mansor
Pengarah, Bahagian Perunding Rekabentuk
Ir. Hj. Haizan Bin Hussein, KJE (BPR A)
Pn. Norwaily Binti Abd. Wahid, KJE (BPR B)
Ir. Noor Asyikin Binti Md Tamimi, JEPK (BPR B)
Ir. Hanizan Binti Shaffii, KJE (BPR D1)
Ir. Sharinah bt. Hamid, JEPK (BPR Projek Khas)
Pn. Noorfadzilah Binti Ramlee, KJE (BPR E)
En. Norulazwan Bin Nordin, JEP (UPICT)
Ir. Rozina Binti Sudin, JEPK (UPKTE)
Ir. Zilaila Binti Hj. Zakaria, JEP (UPKTE)

En. Abdullah Bin Awang, JEP (UPIKE)
Ir. Nor Aza Binti Mohamed Hussin, KJE (UKTK)
En. Muhd Syukri Bin Khasim, JEP (BPR A)
Ir. Ahmad Fauzi Bin Jusoh @ Mohd, JEP (BPR D1)
Ir. Al-Malik Faisel Bin Mohd Saupi, JEP (BPR D1)
Cik Nor Amiza Syafinaz Binti Amir Abdullah, JEP (BPR D2)
En. Haniff Bin Abd. Hamid, JEP (BPR E)
En. Esa Bin A. Rahman, JEP (UPICT)
En. Mohd Zaini Bin Abu Hassan, JEP (UPKTE)
En. Zulariffin Bin Sejo, JEPK (UP Akustik)
Ir. Sabariah Binti Hussain, JEPK (USPMA)
En. Shahrul Affendy Bin Abu Bakar, JEP (UKBF)
Pn. Norliza Binti Badaruzaman, JEPK (UPK)
En. Norfaizal Bin Othman, JEP (UPK)

Urusetia

Norhidayah Bt Jamaludin,
Jurutera Elektrik
Unit Pengurusan Strategik & Prestasi
Bhg. Penyelarasan & Khidmat Sokongan

1. PERUTUSAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bilangan 13 Tahun 2012.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi CKE Bil. 12 Tahun 2012 disahkan tanpa pindaan;

Dicadangkan Oleh : **Tn. Hj. Mohamed Hafiz Bin Mansor**

Disokong Oleh : **Pn Najahd Bin Zainal Abidin**

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

I) AMANAT PENGURUSAN ATASAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

a) Pengerusi memaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam Mesyuarat JPP iaitu:

i. **Kursus MS IEC 60364**

Pengerusi memohon BPR untuk menubuhkan satu Jawatan Kuasa bagi mengkaji spesifikasi CKE khususnya L-S1 berdasarkan IEC MS 60364 dan perkara yang dibangkitkan dalam kursus tersebut bersama wakil CKE yang menghadiri kursus ini. Pengerusi juga memohon supaya BPR dan membuat semakan ke atas cadangan CKE dalam *Code of Practices* dan memastikan semua cadangan yang dinyatakan dalam *Code of Practices* tersebut adalah tepat. Pengerusi juga memaklumkan berkenaan *labelling system* bagi *solar photovoltaic DB* untuk dikemaskini dalam spesifikasi L-S1.

Tindakan : **BPR**

ii. **SSR (Sistem Star Rating) JKR**

Pengerusi memaklumkan bahawa Audit SSR telah ditutup pada 15hb September 2012 yang melibatkan tiga sektor iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan Pelanggan. Beliau juga memaklumkan beberapa teguran dan NCR oleh panel penilai SSR :

- Pembukaan Unit Inovasi Jabatan
- Mekanisme mendapatkan cadangan inovasi
- Bilangan inovasi yang dihasilkan oleh Agensi
- Pengiktirafan di Peringkat Negeri, Daerah, Ibu Pejabat dan Kebangsaan
- Sistem keputusan pengurusan pemantauan. JKR dikatakan tiada sistem dalam mengurus keputusan yang dibuat dalam jabatan.
- Edaran Minit Mesyuarat dalam masa tiga hari
- Pementoran Penilaian Keberkesanan
- Program Pembangunan Jawatan-jawatan Strategik
- Kajian semula Pelan Pelaksanaan Integrasi Integriti Organisasi
- Aplikasi Psikologi
- Aspek Keselamatan ICT
- Tandatangan surat keselamatan ICT
- Tadbir Urus Laman Web Portal
- Penggunaan dan Pemantauan Email
- Disaster Crisis recovery plan
- Kemaskini rekod pegangan ICT sekiranya terdapat pertukaran
- Laporan rasmi perlu dihantar ke Arkib
- Prosedur fail JKR tidak menepati prosedur yang ditetapkan
- Pelupusan rekod pengisian
- Memantapkan usaha hebahan Strategik Framework JKR
- Kajian impak

Pengerusi juga memaklumkan Sistem *Competency Identification* dan Sistem Pengurusan Kualiti (Kawalan Dokumen), MyKJ, *Pre-Approved Plan*, *Prototype Model* dan *Set Transformer Starter* dan SKALA merupakan sistem yang diberi pujian oleh Panel Penilai SSR . Berdasarkan semua teguran dari Audit SSR ini, Pengerusi meminta pihak BPKS untuk mengkaji cadangan penstrukturan semula di CKE dan meminta BPKS mengambil tindakan penambahbaikan di Peringkat CKE bagi perkara-perkara yang ditegur oleh pihak JPA.

Tindakan : **BPKS**

iii. **Kenyataan Akhbar**

KSN memberi peringatan kepada semua pegawai dan kakitangan supaya lebih berhati-hati dalam memberi kenyataan dalam akhbar terutamanya bagi perkara-perkara sensitif dan berisiko besar.

Tindakan : **Untuk makluman**

iv. **Isu Kegagalan Siling**

Pengerusi memaklumkan bahawa antara kesilapan yang dikenalpasti menjadi punca kegagalan siling adalah lampu dan *speaker* yang diletak tanpa sistem pergantungan yang betul seperti digantung pada *air-condition system* dan *air conduct*. Antara bangunan kerajaan yang menghadapi isu kegagalan siling antaranya adalah Mahkamah Muar, Bangunan Audit Perak, Blok D di JKR, Hospital Serdang yang berlaku sebanyak tiga kali, KKR 2 dan Bangunan Parlimen. Perkara yang perlu dititik beratkan dalam isu ini adalah seperti berikut :

- a. Skop tanggungjawab antara pihak arkitek dan pihak perekabentuk struktur
- b. Rekabentuk dan struktur siling
- c. Garis panduan dalam rekabentuk *siling hanger* perlu dikaji semula

Tindakan : **Semua Ketua Unit**

vi. **Sekolah Pendalaman di Sabah dan Sarawak**

Masalah perlaksanaan projek sekolah hendaklah ditangani dengan segera supaya projek dapat diserahkan pada masa yang ditetapkan (Oktober 2012)

Tindakan : **Untuk makluman**

vii. **Penempatan semula pegawai Kader di JKR**

KSN meminta Jabatan membuat kajian semula bersama pihak JPA berhubung isu perlaksanaan projek pembangunan di bawah Kementerian yang lewat dilaksanakan, kualiti yang rendah dan kelemahan dalam membuat keputusan. Perbincangan lanjut dengan pihak Kementerian dan JPA berkenaan isu ini perlu dilaksanakan.

Tindakan : **Untuk Makluman**

viii. **Perlaksanaan Projek oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah**

Mesyuarat bersetuju dengan keputusan bahawa KLBW akan melaksanakan projek yang berskala kecil dan bagi projek-projek KLBW yang berskala besar akan diserahkan 100% perlaksanaannya kepada JKR.

Tindakan : **Untuk Makluman**

xi. **Agenda tetap dalam Mesyuarat JPP**

a. KPKR memaklumkan terdapat arahan supaya menjadikan kajian semula Dasar, Pekeliling, Peraturan dan Garis Panduan di JKR sebagai agenda tetap dalam Mesyuarat JPP.

Tindakan : **Untuk Makluman**

b. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan status pelaksanaan projek Pusat Latihan JKR dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat JPP memandangkan projek ini merupakan projek yang menjadi keutamaan Menteri. Berkenaan perkara ini, Pengerusi meminta BPKS supaya memaklumkan status semasa kerja elektrik bagi projek ini dalam mesyuarat.

Tindakan : **BPKS**

c. Mesyuarat mencadangkan status projek yang dijanjikan perlaksanaannya kepada rakyat oleh kajian semasa lawatan tapak walaupun berskala kecil tetapi menghadapi masalah perlu diberi pertimbangan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat JPP. Pengerusi turut menyentuh mengenai pendawaian semula di Masjid Wilayah yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam memastikan projek tersebut berjalan lancar.

Tindakan : **Untuk makluman**

xii. Proses perlantikan perunding

Pengerusi memaklumkan bahawa sebarang keputusan perlulah merujuk kepada kajian semula proses kerja yang melibatkan aktiviti perolehan hasil daripada bengkel yang dilaksanakan oleh pihak CKUB pada 1hb – 3hb Oktober 2012.

Tindakan : **Untuk makluman**

xiii. Sistem *Cut-Off* baru

Pengerusi memaklumkan terdapat sistem *cut-off* baru bagi proses penilaian dan perakuan tender . Pengerusi mencadangkan beberapa pegawai atau wakil CKE Ibu Pejabat, Negeri, SBU dan Kader dikenalpasti untuk mendalami sistem *cut-off* ini melalui bengkel yang perlu dirancang dengan pihak CKUB. Pegawai atau wakil setiap pejabat ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pengetahuan sewajarnya mengenai sistem ini kepada semua kakitangan terlibat di pejabat masing-masing melalui pembentangan dan bengkel berkaitan. Cadangan ini adalah untuk memastikan setiap kakitangan dan pegawai yang terlibat melaksanakan proses penilaian dan perakuan tender mengikut sistem cut-off baru ini dengan betul dan tepat.

Tindakan : **UKTK dan BPKS**

II) ISU-ISU MELIBATKAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- a) Pengerusi meminta agar tumpuan diberikan terhadap isu *break-down performance* bagi lampu jenis LED di Lebuhraya Persekutuan.

Tindakan: **UPIKE**

- b) JEPK UPSP memaklumkan bahawa BPKS sedang dalam proses menaiktaraf dua (2) buah komputer untuk di '*install*' dengan perisian BIM dan perbincangan dengan Pengerusi BIM untuk mengenalpasti pegawai yang perlu ditempatkan ke Pasukan Projek BIM akan dilaksanakan.

Tindakan : **Makluman**

- c) Susulan daripada laporan cadangan dari pihak CKASJ kepada Jawatan Kuasa Tindakan Negara yang menjadikan penggantungan lampu pada siling merupakan antara faktor penting menyebabkan insiden siling runtuh, Pengerusi mencadangkan supaya laporan mengenai amalan terbaik dalam kerja penggantungan peralatan elektrik pada struktur bangunan dapat dibentangkan. Pengerusi juga meminta BPKS menganjurkan lawatan secara berkala ke Bilik Mock up Elektrik dikalangan pegawai dan kakitangan di Ibu Pejabat dan Kader bagi memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai cara pemasangan peralatan elektrik yang betul.

Tindakan: **BPR dan BPKS**

- d) Pengerusi memaklumkan pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan projek-projek terutamanya projek KPM yang menerima peruntukan perbelanjaan sara hidup (TNT) khas, pegawai tersebut diminta untuk mengemukakan tuntutan berkaitan di atas peruntukan VOT KPM.

Tindakan: **Untuk Makluman**

- e) Kajian terhadap spesifikasi IEC60439 dan IEC61439 sedang dalam proses perlaksanaan dan KJE USPMA memaklumkan yang kebanyakan pembekal dan pengilang tidak berkeupayaan untuk menanggung kos bagi *accredited checker* yang diperlukan dalam memastikan pembuatan *switchboard* tersebut menepati spesifikasi dan keperluan. Pengerusi meminta agar kajian ini diteruskan.

Tindakan: **USPMA**

- f) Pengerusi meminta BPKS supaya menyemak keperluan dan *norm* sedia ada bagi taburan pembahagian tenaga kerja di CKE supaya tenaga kerja tersebut dapat dioptimasikan sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

Tindakan : **BPKS**

- g) KJE UPKTE memaklumkan bahawa sesi seminar *BSEEP (Building Sector Energy Efficiency Project)* telah berlangsung 6hb September 2012 dan tiga orang wakil CKE dari BPR A, BPR B dan UPKTE telah menghadiri seminar tersebut. Beliau juga menjelaskan bahawa seminar tersebut bertujuan untuk mengumpul maklumat dari sector awam dan swasta berkenaan Building Energy Index serta perkara berkaitan dalam penyediaan panduan mengenai *Building Energy Index (BEI)* .

Tindakan: **Untuk Makluman**

- h) JEP BPR B memaklumkan bahawa pendaftaran Kumpulan KIK B-Staree telah dibuat bagi menyertai Pertandingan KIK Peringkat KKR yang dijangka berlangsung pada 10hb Oktober 2012.

Tindakan : **Untuk makluman**

- i) Pengerusi menggesa supaya status koordinasi dan perlantikan HODT bagi projek Ubahsuai Pusat Data BTM disemak.

Tindakan : **BPR B dan UPIKE**

- j) Pengerusi meminta supaya BPR A membuat pembentangan mengenai hasil mesyuarat antara JKR bersama KKM dalam Mesyuarat MPT akan datang.

Tindakan : **BPR A**

4. **PERBINCANGAN / PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS KERJA**

Mesyyuarat mengambil maklum bahawa satu (1) kertas kerja dibentangkan pada mesyyuarat kali ini.

Pembentangan 1

- | | | | |
|-----|-----------------|---|---|
| (a) | Tajuk | : | Cadangan Tatacara Membuat Aduan dan Kawalan Dalam ke atas Perunding Bermasalah |
| (b) | Disediakan Oleh | : | En Tanapal Balaraman, JEP UKTK |
| (c) | Tujuan | : | <ul style="list-style-type: none">a. Memberi penerangan berkenaan tatacara membuat aduan dan kawalan dalaman CKE ke atas perunding yang bermasalah susulan daripada maklumbalas dari MoF dan Surat Pekeliling Perbendaharaan SPP Bil 6 tahun 2010.b. Memberi penerangan berkenaan cadangan carta alir bagi kawalan dalaman ke atas perunding bermasalah di CKE |
| (d) | Komen | : | <ul style="list-style-type: none">a. Carta alir bagi tindakan kawalan dalaman perlu diperjelaskan berkenaan maklumbalas yang dikehendaki oleh firma bermasalah dan timeline bagi aduan rasmi keingkaran firma kepada Jawatankuasa Semakan Peringkat CKE dan prosedur seterusnya.b. Pengerusi memberi ulasan bahawa carta alir yang dicadangkan hendaklah berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh MoF dan menitikberatkan pelbagai situasi contohnya projek telah tamat pembinaan dan sebagainya.c. Obligasi kontrak dalam MoA yang dinyatakan hendaklah diperjelas. |
| (e) | Keputusan | : | Mesyyuarat mengambil maklum akan pembentangan ini dan Pengerusi meminta tindakan selanjutnya diambil. |
| (f) | Tindakan | : | UKTK |

5. HAL-HAL LAIN

- a) Pengerusi mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penglibatan AKSI dan semua kakitangan yang terlibat dalam Majlis Jamuan Hari Raya CKE yang berlangsung pada 13hb September 2012.

Tindakan : **Untuk Makluman**

- b) JEPK PO memaklumkan berkenaan isu SLA dengan pihak TNB dan pembentangan cadangan CKE kepada PROKOM iaitu melibatkan
- a. Fasa 1 - memasukkan klausa baru untuk tempoh masa dan penalti bagi penyediaan dan penyerahan bangunan pencawang dalam kontrak kontraktor utama (MC)
 - b. Fasa 2 - mencadangkan SLA bagi projek terpilih iaitu yang menerima bekalan masuk 33kV dan ke atas
 - c. Jawatankuasa Pemantauan dan Penyelarasan Perkhidmatan Utiliti (TNB, Pembekal Air, IWK, Syarikat Telekomunikasi) Dalam Projek-Projek Pembangunan Kerajaan

Beliau juga memaklumkan mengenai cadangan Pengarah PROKOM berkenaan menggantikan SLA dengan MoU dengan pihak TNB bagi beberapa projek pilot bagi mengelakkan kesulitan di pihak kerajaan. Bagi isu pengalihan utiliti dimaklumkan akan dibincangkan dalam Mesyuarat bersama pihak TNB pada hari Khamis 20hb September 2012.

Tindakan : **Untuk Makluman**

- c) Pengerusi meminta USPMA dan BPR D1 untuk membuat semakan ke atas aduan kekerapan kerosakan lampu T5 bagi projek LHDN Cyberjaya.

Tindakan : **USPMA dan BPR D1**

- d) Pengerusi 5S memaklumkan cadangan Audit MAMPU untuk Pensijilan Semula Amalan 5S akan dilaksanakan pada Mei 2013 selaras dengan validiti Pensijilan 5S CKE yang tamat pada Ogos 2013.

Tindakan : **Untuk Makluman**

- e) JEP UKTK memaklumkan bahawa satu Mesyuarat Pemeriksaan Tempat Kerja akan diadakan pada 19hb Oktober 2012 yang melibatkan semua wakil pekerja dan pelepasan dari Ketua Unit untuk semua wakil pekerja yang terlibat.

Tindakan : **Untuk Makluman**

- f) Audit Dalaman IQA akan dilaksanakan pada 8hb – 10hb Oktober 2012 dan diminta setiap unit mengemukakan senarai projek untuk diaudit sebelum atau pada 21hb September 2012.

Tindakan : **Untuk Makluman**

- g) Anugerah Tokoh CKE bagi bulan Januari 2012 – Jun 2012 disampaikan kepada :

- i. Pengurusan dan Professional: En Mohd Ainor Bin Yahya – UPKTE
- ii. Kumpulan Sokongan 1: Pn Suzaila Binti Othman – BPR D1
- iii. Kumpulan Sokongan 2: En Khairul Azwan Bin Zainal Abidin - UPAP

JEP UPAP juga memohon kerjasama Ketua Unit untuk mengemukakan cadangan calon bagi Anugerah Tokoh CKE bagi bulan Julai 2012 – Disember 2012 untuk penilaian sewajarnya.

Tindakan : **Untuk Makluman**

6. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada seluruh ahli mesyuarat.

Disediakan Oleh:

Urusetia,

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi,

Cawangan Kejuruteraan Elektrik,

Ibu Pejabat JKR Malaysia.

18 September 2012